

## Ibu Tunai Hajat Arwah Anak Terima Skrol

Terakhir dikemaskini: Khamis, 28 November 2019 15:35 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 10

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 28

**NOVEMBER** - Walaupun sudah lebih setahun kehilangan anak tersayang, ibu kepada Allahyarhamah Nurul Affaizin Ismail, Jiaranah Yahaya tetap menguatkan semangat untuk hadir ke Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-21 bagi mewakili arwah anaknya menerima skrol pada majlis yang berlangsung di Dewan Canselor, UMS baru-baru ini.

Jiaranah, 62 tahun, yang hadir bersama bapa dan adik-beradik arwah, terbang dari Perak ke Sabah bagi mewakili arwah anak menerima skrol Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Hubungan Antarabangsa pada sidang kedua majlis tersebut.

Beliau yang ditemui media UMS memberitahu, arwah Nurul Affaizin tidak sempat menamatkan pengajian kerana meninggal dunia pada 9 November 2018 akibat jangkitan kuman pada hati.

“Arwah pernah menyatakan hasrat ingin berkumpul bersama seluruh ahli keluarga dan menyambut hari keluarga apabila majlis konvokesyen di Sabah tiba.

“Walaupun hasrat itu tidak kesampaian, namun kami sekeluarga tetap hadir ke majlis ini bagi menunaikan hajat arwah meraikan kejayaannya mendapatkan segulung ijazah,” katanya dengan nada hiba.

Jiaranah yang ditemani anaknya kelihatan sebak apabila menceritakan sifat arwah anak bongsunya yang manja tetapi mempunyai sifat berdikari sejak di bangku sekolah lagi.

“Arwah seorang yang berdikari kerana sejak sekolah rendah dan sekolah menengah lagi beliau sudah biasa tinggal di asrama, malah semasa cuti semester tiga bulan arwah turut bekerja untuk mencari duit sampingan”, katanya.

Pasrah dengan ketentuan ilahi, Jiaranah tetap berbangga dapat mewakili arwah anaknya menerima Anugerah Anumerta tersebut yang disampaikan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin

*(Artikel disediakan oleh Rosnah Rahim, Pelajar Tahun Tiga Program Komunikasi FKS)*